

07/12/2000

MCA mula terikut rentak Dong Jiao Zhong

Azhar Abu Samah

DALAM soal politik, terpancar jelas pertentangan pendirian dan tanggapan di antara parti yang didominasi masyarakat berketurunan Cina - MCA, Gerakan dan DAP.

Namun, apabila wujud soal kepentingan bangsa, mereka mudah pula `senada dan seirama', sekali gus melupakan perbezaan terdahulu. Hakikat ini terserlah dalam isu Sekolah Wawasan yang kekusutannya ketika ini sudah menjadi semakin sukar untuk dileraikan.

Bermula daripada perbincangan pada peringkat pemimpin parti, Kabinet, melalui maklum balas pertubuhan pendidikan Cina seperti Dong Jiao Zhong, dan sentimen menentang Sekolah Wawasan yang dieksploitasi oleh parti politik pembangkang, isu itu turut diheret dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas, Kedah. Malah, soal Sekolah Wawasan dilihat antara punca kekalahan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil itu.

Kecuali pemimpin Umno dan MIC yang dapat menerima konsep Sekolah Wawasan demi kepentingan menyatupadukan masyarakat berbilang bangsa, agama dan keturunan di negara ini, pemimpin parti komponen lain dalam BN, khususnya yang berasaskan keturunan Cina, seperti menolak atau mengelak untuk menyatakan komitmen mereka dalam melaksanakan konsep itu.

Tanpa perlu bersuluh lagi, ramai di kalangan kerabat MCA dan Gerakan sendiri yang diharap dapat memperjelas isu Sekolah Wawasan dan sebab-sebab ia perlu dilaksanakan kepada masyarakat Cina, seolah-olah kurang meyakini keberkesanan pelaksanaannya. Jika itulah pendirian mereka, bagaimana mungkin mereka dapat membantu meleraikan kekusutan yang ada, selain masyarakat daripada bangsa lain mula mempersoal hasrat sebenar mereka.

Malah, mungkin sampai pada tahap masyarakat Cina dilihat memang tidak berminat kepada keharmonian dan kerjasama antara kaum serta memilih hidup secara berasingan.

Kedegilan segelintir pihak, khususnya pendidik ekstrimis Cina kerana menolak konsep Sekolah Wawasan, sudah disifatkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai penentang proses menyatupadukan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, mereka bukan mempertahankan bahasa Cina atau pelajaran dalam bahasa Cina tetapi sengaja membangkitkan isu itu supaya dapat menghalang perpaduan di kalangan masyarakat majmuk.

Golongan sedemikian seolah-olah tidak mengaku mereka adalah rakyat Malaysia dan perlu berdamping dengan rakyat Malaysia daripada keturunan lain.

"Mereka hendak supaya segala-galanya diasingkan. Sekolah-sekolah Cina diasingkan daripada sekolah lain sehingga sekolah Cina menjadi sekolah asing, bukan sekolah dalam Malaysia," katanya.

Bagaimanapun, sejak kebelakangan ini, MCA sebagai sebuah parti komponen dalam BN mula terikut-ikut rentak Dong Jiao Zhong yang mula mempersoalkan pelaksanaan Sekolah Wawasan, seolah-olah ia tidak memahami konsep itu sedangkan sebelum ini pemimpin parti itu sudah diberikan penjelasan sepenuhnya oleh kerajaan mengenai konsep penubuhannya.

Perlu diingat, MCA pernah `berbalah' dengan Dong Jiao Zhong pada 1992 apabila pemimpin pertubuhan pendidikan Cina itu menyerang MCA dengan menuduh parti itu tidak mengambil sebarang tindakan meningkatkan mutu pendidikan sekolah Cina.

Menyedari tidak mahu melakukan kesilapan sama, MCA kali ini, melalui Naib Presidennya, Datuk Chua Jui Meng, mahu semua pihak, terutama pemimpin

BN, duduk semeja untuk membincangkan semula konsep Sekolah Wawasan kerana isu itu cukup besar dan sensitif bagi masyarakat Cina di negara ini.

Katanya, isu itu perlu segera ditangani kerana ia sudah menjadi antara faktor utama yang mengalih sokongan pengundi masyarakat Cina kepada pembangkang pada pilihan raya kecil Lunas.

"Cubalah memahami dan menilai perasaan masyarakat Cina," kata Chua yang juga Pengerusi MCA Kedah, sambil menambah bahawa kebanyakan pengundi Cina sukar mengundi BN kerana isu berkenaan.

Alasan Chua cukup mudah, iaitu: "Masyarakat Cina mencintai budaya, bahasa dan pendidikan mereka. Mereka berbangga dengan budaya itu. Mereka membinanya selama beberapa ratus tahun sejak nenek moyang mereka datang ke negara ini dari China."

Senada dengan bantahan Dong Jiao Zhong dalam isu Sekolah Wawasan, bagi Chua, Sekolah Wawasan adalah isu besar dan ia perlu dibincangkan dengan lebih mendalam kerana MCA perlu memahami serta menilai pandangan masyarakat Cina mengenai konsep sekolah berkenaan.

Selepas memberikan pelbagai alasan penolakan konsep Sekolah Wawasan, termasuk soal lembaga pengelola sekolah dan latar belakang guru yang mesti mendapat pendidikan sepenuhnya dalam bahasa Cina, akhirnya Dong Jiao Zong memberikan alasan terkini kononnya ia menolak konsep Sekolah Wawasan kerana keadaan sedia ada sudah mencukupi bagi membuktikan perpaduan rakyat.

Malah, penasihatnya, Datuk Sim Mou Yu, menganggap pelaksanaan sekolah itu tidak perlu kerana semua pelajar Melayu, Cina atau India akan belajar dan membesar bersama ketika di sekolah menengah kebangsaan dan institusi pengajian tinggi (IPT).

"Malah, sukatan pelajaran yang dibuat Kementerian Pendidikan untuk semua aliran sekolah, termasuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) adalah berlatar belakangkan Malaysia dan semua rakyat, termasuk orang Cina, akan sentiasa setia dan taat kepada negara," katanya.

Jika diteliti kenyataan pemimpin MCA sebelum ini dan sejak akhir-akhir ini, ia jelas memperlihatkan pemimpin mereka tidak konsisten dalam soal Sekolah Wawasan.

Timbalan Menteri Pendidikan yang juga Setiausaha Perhubungan MCA Negeri Sembilan, Datuk Hon Choon Kim, sudah memberi jaminan sebelum ini ciri sekolah aliran Cina tetap tidak akan pupus walaupun konsep Sekolah Wawasan dilaksanakan kerajaan.

Ini kerana mengikut Akta Pendidikan 1996, semua sekolah aliran Cina dan Tamil dibenar menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar di sekolah. Oleh itu, katanya, tiada sebab masyarakat Cina perlu bimbang ciri-ciri sedemikian akan terhapus jika Sekolah Wawasan dilaksanakan di negara ini.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, juga pernah meminta Kementerian Pendidikan menyegerakan pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan bagi membuktikan segala tohmahan yang dilemparkan pembangkang terhadap sekolah itu adalah tidak benar.

Berdasarkan senario di atas, tidak sukar menelaah kenapa MCA berubah fikiran. Persoalannya, kenapa secara tiba-tiba pemimpin parti itu masih memerlukan pelbagai jaminan daripada kerajaan?

Kerajaan sudah meminda Akta Pendidikan untuk memansuhkan hak kepada menteri menukar identiti sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Jaminan turut dibuat bahawa sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil akan tetap menggunakan logo, nama dan lembaga pengelola seperti biasa dengan pelaksanaan Sekolah Wawasan nanti. Malah, kantin Sekolah Wawasan yang dicadangkan akan dijalankan ala medan selera yang memberi bahagian untuk menjual makanan untuk pelajar Melayu, Cina dan India.

Di sebalik semua jaminan itu, masyarakat Cina tetap menolaknya. Sebagai

rakyat yang memahami perasaan kaum lain, kita menghormati pendirian masyarakat Cina yang amat mencintai budaya, bahasa dan pendidikan mereka. Namun, adakah benar nilai-nilai berkenaan akan terhakis sebagaimana dibimbangkan jika pelaksanaan Sekolah Wawasan diteruskan.

Cubalah mencontohi pengorbanan orang Melayu dalam merencanakan soal perpaduan di Malaysia hingga sanggup melihat akronim Melayu dihilangkan dalam beberapa entiti sebelum ini seperti Keretapi Tanah Melayu yang kini menjadi KTM Bhd dan pernah satu ketika bahasa Melayu ditukar menjadi bahasa Malaysia - semata-mata mahu menjaga hati kaum lain.

(END)